

Ibu bapa diseru terima anak2 yang telah pulih

SUNGAI SIPUT, Ahad — Menteri Kebajikan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani menyeru ibu bapa supaya bersedia menerima semula anak-anak mereka yang telah keluar dari pusat-pusat pemulihan penagih dadah.

Berucap merasmikan kursus sivik Pemuda dan Wanita Umno Bahagian Sungai Siput di sini, beliau menyatakan sekiranya anak-anak itu disingkirkan oleh ibu bapa mereka, sudah tentu anak-anak itu akan



● **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH GHANI**

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

mengalami satu tekanan jiwa yang lebih teruk.

Kesan daripada penyingkiran itu, tambah Datin Paduka Hajah Aishah, anak-anak itu sudah pasti akan menemui rakan-rakan mereka semula dan akhirnya terjebak kembali dengan penyalahgunaan dadah.

Beliau juga menyatakan orang ramai atau masyarakat umum khasnya mesti turut memainkan peranan tanggungjawab dalam membantu usaha-usaha kerajaan membasmi kegiatan dadah.

Masyarakat juga semestinya bersedia menerima semula pada penagih dadah yang keluar

dari pusat-pusat pemulihan dengan memberikan mereka tempat yang sewajarnya dalam masyarakat.

Datin Paduka Hajah Aishah juga menerangkan dalam masa kerajaan sedang membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membasmi kegiatan dadah masih juga terdapat golongan yang sedang berusaha pula menarik lebih ramai rakyat terutama golongan anak-anak muda menjadi penagih dadah.

Berhubung dengan perkara itu, beliau berharap pertubuhan-pertubuhan seperti Umno, badan-badan sukarela serta orang ramai sentiasa berhati-hati mengawasi anasir-anasir jahat itu supaya tidak mengganggu atau merosakkan keadaan di tempat masing-masing.

Mengei Koperasi Dermajaya Wanita Umno, beliau menyeru supaya lebih ramai lagi Wanita Umno Negeri Prak menyertainya demi untuk kepentingan dan kebajikan kaum wanita sendiri.

Katanya, sejak koperasi itu ditubuhkan kira-kira tujuh tahun lalu cuma 4,000 orang saja anggota Wanita Umno di negeri ini menganggotainya. — Bernama.